

PILIHAN RAYA KECIL SLIM 2020 DI PERAK, MALAYSIA: PRESTASI PERIKATAN NASIONAL

(The 2020 Slim by-election in Perak, Malaysia: The Performance of Perikatan Nasional)

Nur Adilah Shahirah binti Shafie, Ariff Aizuddin Azlan & Mazlan Che Soh

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan membincangkan Pilihan Raya Kecil (PRK) Slim di peringkat negeri Perak yang diadakan pada 29 Ogos 2020. PRK Slim menyaksikan pergelutan kerusi DUN tiga penjuror antara gabungan parti kerajaan, Perikatan Nasional (PN), Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) serta sebuah blok bebas. Dalam PRK ini, calon Barisan Nasional (BN) yang mewakili PN telah memenangi dan mengekalkan kerusi tradisi DUN Slim dengan mengalahkan parti PEJUANG, sebuah parti baharu yang ditubuhkan oleh bekas perdana menteri ketujuh Malaysia, Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, artikel ini menjelaskan secara terperinci akan fenomena politik yang berlaku di dalam PRK DUN Slim, Perak, merangkumi prestasi gabungan parti PN yang terbentuk pada awal Mac 2020 berikutan teretusnya “Langkah Sheraton” yang mengakibatkan kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan (PH) setelah mentadbir negara selama 22 bulan. Selain itu, artikel ini juga menerangkan isu serta strategi parti-parti bertanding, termasuk faktor-faktor yang menjadi pemangkin ke atas kemenangan PN di Slim dan di antaranya adalah seperti kredibiliti calon, penglibatan serta sokongan parti gabungan, isu integriti, strategi kempen serta faktor politik perkauman. Artikel ini memberikan gambaran akan perubahan landskap politik negara yang telah memberikan satu perspektif baharu terhadap struktur keutuhan sistem politik di Malaysia setelah dilanda arus globalisasi, sekaligus merencanakan lagi perkembangan alur ilmu politik, percambahan pandangan serta buah fikiran terhadap dinamik politik negara.

Kata kunci: Pilihan Raya Kecil, Slim, Barisan Nasional, Perikatan Nasional, Parti Pejuang Tanah Air

ABSTRACT

This article aims to discuss Slim by-election which was held at Perak state level on 29 August 2020. Slim by-election has witnessed three-cornered fight between the ruling government coalitions Perikatan Nasional (PN), Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) and independent candidate. In this by-election, Barisan Nasional (BN) candidate who represented PN successfully won the by-election and in the same has maintained the traditional seat by defeating PEJUANG, a new political party formed by the former seventh prime minister of Malaysia Mahathir Mohamad. Therefore, this study examines in details the political phenomena in Slim by-election including the performance of PN coalition parties, which came to power in the early March 2020 as a result of “Sheraton Move” that implicated the downfall of Pakatan Harapan (PH)

government after being in power for only 22 months. Besides, this article also explains the issues and strategies of the competing parties, including some factors that contributed towards the victory of PN in Slim by-election which are the credibility and the involvement of the candidate, integrity related issue, campaign strategy, and the factor of race-based politics. This article provides an overview towards the evolution of Malaysian political landscape which led on upholding a new perspective on the structure of the political system through the globalization phenomenon, thus boosting the development of political knowledge, the proliferation of views and ideas on the country's political dynamics.

Keywords: By-election, slim, Barisan Nasional, Perikatan Nasional, Parti Pejuang Tanah Air

PENGENALAN

Kejatuhan rejim dominan Barisan Nasional (BN) di dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada Mei 2018 yang lalu memberikan satu isyarat yang sangat jelas bahawa proses pendemokrasian di Malaysia ini ternyata mampu menjadi sebahagian daripada episod politik pembangunan yang mampan. Setelah lebih dari separuh abad memegang tampuk kekuasaan politik dan akhirnya BN dikeluarkan dari naratif politik Malaysia dan tidak lagi menjadi gabungan yang mendominasi landskap politik tempatan. Sarjana cenderung untuk mengklasifikasikan BN sebagai sebuah rejim semi-otoritarian yang tidak terlalu terkehadapan di dalam usaha untuk memperjuangkan pendekatan demokratik liberal dan juga tidak terlalu cenderung untuk mengusahakan sebuah rejim otoritarian yang berskala penuh. Implikasi dari acuan sistem politik yang bersifat semi-otoritarian itu telah menyebabkan pertukaran kepimpinan yang drastik di peringkat persekutuan. Gabungan parti pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Harapan (PH) terdiri daripada Parti KeADILan Rakyat (PKR), Parti Amanah Negara (AMANAH), Democratic Action Party (DAP), dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) telah diberikan mandat oleh pengundi untuk membentuk kerajaan dan gabungan tersebut telah disandarkan sebagai satu alternatif politik baru tanpa BN.

Perkembangan dunia tanpa sempadan atau lebih dikenali sebagai fenomena globalisasi telah memungkinkan berakhirnya episod rejim parti dominan di negara ini. Dalam sekelip mata rejim BN telah dikeluarkan dan digantikan dengan rejim baharu dan perubahan politik itu berlaku dalam suasana yang sangat aman tanpa melibatkan rusuhan orang ramai dan pertumpahan darah dan ini menguatkan lagi hujah bahawa proses pendemokrasian itu boleh berlaku tanpa perlu melibatkan sebarang bentuk aktiviti bersenjata atau gerakan revolusi yang melibatkan pertumpahan darah dan sebagainya. Malaysia adalah salah sebuah negara semi-otoritarian yang bersifat stabil di dalam konteks Asia Tenggara.

Kejatuhan BN di dalam PRU14 memberikan satu isyarat yang jelas kepada negara-negara semi-otoritarian lain bahawa pendemokrasian itu boleh direalisasikan tanpa perlu melalui pengalaman sosio-politik yang radikal seperti fenomena musim luruh (Arab Spring) di Timur Tengah di mana ia masih berlaku sehingga hari ini tanpa ada jalan penyelesaian politik yang kukuh. Selain itu, pasca PRU14 juga memperlihatkan pelbagai jenis ujian politik yang melibatkan isu-isu berbangkit seperti agenda Bumiputera Melayu dan Islam, ketelusan pentadbiran, dan persaingan kepartian di dalam pilihan raya kecil (PRK).

Sepanjang tempoh dua tahun pentadbiran PH telah membangkitkan sejumlah ketidakpuasan hati orang ramai terhadap gabungan politik berikut akibat dari sentimen yang dipermainkan untuk mengolah sokongan politik yang dilihat akan memberikan manfaat di dalam persaingan PRK. Kajian ini ingin melihat sejauhmanakah prestasi parti yang bertanding di dalam PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim, Perak itu mengekalkan status quo mereka terutama sekali parti berasaskan Melayu-Islam iaitu United Malays National Organisation (UMNO).

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian Junaidi et al. (2011) iaitu ‘Kajian Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor, Selangor’ mendapati bahawa budaya politik Melayu telah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pola pengundian di Hulu Selangor. Pembiayaan kos infrastruktur kerajaan BN serta sumbangan ekonomi merupakan salah satu faktor utama pengundi kekal menyokong BN. Tindakan parti pembangkang iaitu Pakatan Rakyat yang membelakangkan titah Sultan supaya tidak menggunakan tempat ibadah sebagai pentas politik telah menyebabkan pengundi Melayu tidak berpuas hati dan enggan berpihak kepada mereka. Malah, sikap calon PKR yang dikatakan tidak bermoral walaupun beragama Islam telah mendorong pengundi Melayu untuk berpihak kepada calon BN yang berketurunan India dan beragama Hindu, namun fasih berbahasa Melayu. Budaya politik Melayu merangkumi aspek ekonomi, ketaatan kepada Sultan, moraliti dalam agama Islam, kefasihan Bahasa Melayu serta faktor universal telah mendorong pengundi di kawasan tersebut berpihak kepada BN.

Junaidi (2018) dalam kajian ‘Pengaruh Identifikasi Parti dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016’ mendapati faktor identifikasi parti serta mentaliti politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi menyumbang terhadap kejayaan BN dalam mengekalkan ‘status quo’ di kedua-dua kawasan tersebut. Malah, keretakan hubungan parti-parti pembangkang seperti PH dan PAS telah mengakibatkan persaingan tiga penjuror, sekaligus memberikan laluan buat BN untuk merampas undi bagi memperoleh pertambahan majoriti undi yang lebih tinggi.

Suresh Kumar (2019) melalui kajian ‘Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: Kemenangan BN atau Kekalahan PH?’ menjelaskan faktor kesesuaian calon, faktor kesetiaan rakyat, persepakatan kerjasama parti UMNO-PAS, politik perkauman serta faktor bangsa telah mendorong pengundi untuk berpihak kepada BN. Kebijaksanaan BN dalam merangka percaturan strategi dengan meletakkan calon yang sesuai iaitu anak tempatan Orang Asli yang mempunyai reputasi yang baik serta mudah didekati, beserta faktor kesetiaan etnik Orang Asli sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan parti tersebut, disamping persepakatan kerjasama yang terjalin antara musuh tradisi iaitu UMNO dan PAS telah mendorong kemenangan BN dalam PRK ini. Malah, dengan wujudnya mentaliti sesetengah masyarakat Melayu berpandukan perspektif bahawa kelayakan BN dalam mengekalkan status pemerintah adalah berdasarkan pengalaman berpuluh tahun mentadbir negara (Junaidi Awang Besar, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof, 2014) turut menjadi faktor buat golongan ini kekal berpihak kepada BN.

Penolakan pengundi Cameron Highlands terhadap parti kerajaan persekutuan dalam PRK tersebut didorong oleh beberapa faktor utama seperti kegagalan PH dalam menunaikan janji


Manifesto PH pada PRU 2018, strategi kempen, kesesuaian calon, isu integriti serta penerimaan calon oleh pengundi. Tindakan parti PH yang gagal menunaikan janji Manifesto PH dengan alasan kegawatan kewangan negara serta berterus-terusan ‘menyerang’ BN, telah membuka ruang buat rakyat untuk berpandangan bahawa kerajaan BN tidak seharusnya terus dipersalahkan. Selain itu, penggunaan kenderaan Jabatan Perhilitan bagi tujuan berkempen oleh parti PH telah menyebabkan timbulnya gambaran negatif akan integriti parti tersebut. Strategi Lim Guan Eng yang memberikan penekanan akan rekod hutang kerajaan negeri Pahang di bawah pemerintahan BN telah membina sebuah imej akan kewibawaan BN dalam meningkatkan pembangunan dan kemajuan penduduk dan mempersoalkan kredibiliti PH dalam menguruskan pembangunan serta kebajikan penduduk Cameron Highlands dengan hutang RM1 trilion. Menurut Muhammad Hazim et al. (2016), dasar kerajaan yang mengutamakan kebajikan penduduk merupakan faktor pertimbangan utama pengundi dalam memilih calon bertanding dalam sesebuah pilihan raya, meskipun wujud isu-isu tertentu yang mampu mengubah perspektif mereka.

Sentimen politik nasional seperti ‘tsunami politik’ sukar mendapat tempat di beberapa kubu kuat parti politik apabila sesetengah masyarakat masih berpegang kepada sentimen ‘politik pembangunan.’ Menurut Junaidi et al. (2012) dalam kajian ‘Pengaruh Populariti Calon, Sentimen Nasional dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah’ bahawa kejayaan BN dalam memajukan serta meningkatkan pembangunan negara telah mengukuhkan keyakinan pengundi terhadap kerajaan sedia ada dalam menerajui pentadbiran. Sebagaimana di Slim, penduduk di kawasan tersebut berpegang kuat kepada keterajuan parti BN dalam pentadbiran, meskipun negeri Perak menerima tempas fenomena gelombang ‘tsunami politik’ pada PRU 14. Junaidi (2019) melalui kajian ‘Perubahan Politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia’ menjelaskan bahawa pemain politik tidak sewajarnya memandang enteng akan ‘kuasa rakyat’ kerana tingkah laku politik pengundi berbentuk dinamik, bahkan boleh berubah dalam sekelip mata sama ada di peringkat negara serta negeri. Jangkaan, analisis, kepelbagaian strategi dari segi kempen serta kekuatan jentera parti dalam memenangi undi tidak mampu menepis gelombang ‘kuasa rakyat.’

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Kaedah analisis dan metodologi kajian akan menggunakan pendekatan kualitatif analisis kandungan daripada pelbagai sumber media massa, laporan akhbar, laporan rasmi kerajaan, buku, dan jurnal artikel untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Data berkaitan keputusan bagi kerusi DUN Slim dan keputusan PRK bagi DUN Slim pada tahun 2020 diperolehi daripada sumber rujukan laporan rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Rajah 1: Peta Bahagian Kawasan Pilihan Raya DUN Negeri Perak



(Sumber: SPR, 2020)

TEORI GABUNGAN

Kajian sains politik secara umumnya berhujah bahawa sesuatu fenomena sosio-politik perlu dilihat dari sudut teoretikal yang terperinci. Teori di sini ditakrifkan sebagai satu gabungan konsep yang akan menjadi satu sistem sokongan yang disandarkan kepada pemahaman terhadap sesuatu isu dan fenomena yang berlaku. Dalam erti kata yang lain, teori juga berperanan sebagai satu alatan intelektual yang membantu untuk menghasilkan satu dapatan kualitatif. Kajian ini melihat PRK Slim dengan menggunakan pendekatan teori gabungan sebagai satu asas yang boleh dijadikan hujah utama. Dalam konteks Malaysia, idea politik gabungan ini bukan lah satu

perkara yang asing kerana ianya telah dipraktikkan sebelum tahun 1957. Gabungan di sini merujuk kepada proses penggabungan parti politik yang terdiri daripada pelbagai latar belakang ideologi dan pendekatan sosio-politik secara amnya. Di dalam konteks rejim semiautoritarian, BN lebih dikenali sebagai “gabungan dominan” yang mencatatkan prestasi cemerlang di dalam setiap pilihan raya yang diadakan dan gabungan dominan tersebut juga bersifat “demokrasi permuafakatan” di mana setiap parti politik mewakili kaum masing-masing dan perkongsian kuasa direalisasikan di atas dasar kerjasama politik yang erat dan mempunyai kepentingan yang sama iaitu pengukuhan kuasa. Szmolka (2015) berhujah bahawa terdapat beberapa jenis gabungan yang paling utama berkenaan dengan sokongan yang diraih di dalam parlimen. Pertama, ialah “gabungan minoriti/minority coalitions” di mana kerajaan tidak mempunyai majoriti secukupnya dan kedua ialah “gabungan yang memenangi/winning coalitions” di mana kesemua parti politik terlibat adalah penting untuk memastikan bilangan majoriti di dalam kerajaan. Krisis parlimen yang berlaku pada lewat Februari 2020 yang menyaksikan perpecahan kepartian di dalam blok kerajaan telah menguatkan lagi hujah yang ditawarkan. Segelintir ahli parlimen dari PKR yang diketuai oleh Azmin Ali dan BERSATU yang bertindak untuk meninggalkan PH telah menyebabkan komposisi ahli parlimen di blok kerajaan menjadi tidak seimbang. Dihujahkan lagi bahawa rakan di dalam kerajaan gabungan memilih untuk meminimalkan perbezaan ideologi mereka di antara satu sama lain kerana ini akan membawa kepada kesan yang menguntungkan semua pihak (Inmaculada Szmolka 2015: 657). Di dalam konteks ideologi, penyatuan di antara dua parti terbesar Melayu-Islam iaitu UMNO dan PAS dilihat sebagai satu kes yang unik dan selari dengan hujah yang dibangkitkan oleh sarjana berikut.

Sewaktu PRU14, struktur persaingan parti politik telah menyebabkan berlakunya pertandingan tiga penjurong di antara PH, BN, dan PAS. Kebanyakan pemerhati politik berpendapat bahawa persaingan tersebut secara tidak langsung telah memanfaatkan PH dan sekaligus menafikan prestasi BN dan PAS. Tetapi apa yang berlaku pada pasca-PRU14 adalah sebaliknya di mana satu bentuk kesedaran politik yang berkaitan dengan isu Melayu dan Islam telah diolah secara meluas yang merangkumi barisan kepimpinan parti sehingga ke penyokong akar umbi dan juga masyarakat umum. Dan ini diperkuat lagi dengan slogan seperti anti-DAP yang semakin kerap diperdebatkan di dalam media sosial di mana parti berbilang kaum itu dilihat seolah-olah seperti mencampuri urusan dan mempersoalkan hak dan keistimewaan orang Melayu-Islam. Dan malah terdapat juga tohmahan yang dilontarkan terhadap Tun Mahathir di mana beliau diposisikan sebagai “kuda tunggangan” DAP dan sebagainya. Selain itu hujah yang disematkan juga menyatakan bahawa kerajaan PH telah dikuasai oleh DAP yang sebilangan besar ahlinya dianggotai oleh orang Cina dan India. Ini menyukarkan lagi mobilisasi PH yang berhempas-pulas untuk mempamerkan satu imej sosio-politik yang merentasi perkauman.

Akibat dari itu, UMNO dan PAS mengambil keputusan untuk bersatu dengan bersandarkan kepada justifikasi dan rasionalisasi ideologi untuk menyelamatkan negara dari ancaman-ancaman bukan-Muslim dan untuk membawa kembali nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran serta untuk meningkatkan bilangan majoriti Melayu-Islam di dalam parlimen. Akibat dari penyatuan politik itu dan juga krisis parlimen yang melibatkan perpecahan di dalam blok PH telah mengangkat blok pembangkang seperti BN dan PAS menjadi kerajaan, serta

BERSATU, tanpa perlu melalui proses pilihan raya. Menurut teori gabungan, jawatan-jawatan utama seperti posisi di kementerian adalah sebahagian daripada proses rundingan di dalam usaha pembentukan gabungan pemerintah kerana ia adalah signifikan di dalam pengagihan pengaruh politik di kalangan parti gabungan dan ini ditakrifkan sebagai satu ganjaran politik (payoffs) (Szmolka 2015: 658).

Selain itu, perjanjian rasmi di antara parti juga adalah salah satu komponen penting yang diungkapkan di dalam teori gabungan di mana keberhasilan permuafakatan di antara parti perlu dibentuk sebaik mungkin demi untuk mengukuhkan komitmen parti gabungan masing-masing dengan tujuan untuk mencapai objektif politik yang sama. Perjanjian seperti ini juga berupaya untuk mengurangkan risiko dan krisis yang berlaku di antara parti. Penyatuan UMNO dan PAS yang dikenali sebagai “Muafakat Nasional (MN)” adalah satu ilustrasi yang baik untuk menjelaskan perihal teori gabungan ini bermula pada September 2019 apabila Piagam Muafakat Nasional dimeterai secara rasminya (Nazura Ngah, 2019) yang menekankan unsur-unsur seperti pengembangan naratif Melayu-Islam tanpa membelakangkan keharmonian kaum dan kesejahteraan negara.

KONTEKS

PRK Slim diadakan pada saat negara sedang mengalami krisis politik dan pandemik global virus Covid-19. Pada lewat Disember 2019, seluruh dunia dikejutkan dengan kedatangan satu wabak virus Covid-19 yang dipercayai bermula di Wuhan, China dan kemudiannya merebak ke seluruh dunia. Ribuan kes kematian direkodkan di seluruh negara. Sehubungan itu, beberapa negara termasuk Malaysia mula mengambil langkah drastik seperti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan tujuan untuk mengekang wabak tersebut dari menjangkiti orang ramai. Wabak Covid-19 tersebut secara tidak langsung telah menjejaskan pendapatan orang ramai. Ia juga mengakibatkan ketidaktentuan ekonomi yang sangat serius di mana ribuan pekerjaan dianggarkan akan hilang dan beberapa sektor perniagaan juga terpaksa ditutup kerana tidak mampu untuk menanggung kos pengoperasian sewaktu tempoh PKP tersebut. Beberapa minggu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan, telah berlaku satu rampasan kuasa yang sekaligus mengubah naratif sejarah politik Malaysia dan fenomena politik tersebut dikenali ramai sebagai krisis parlimen dan “Langkah Sheraton”.

Krisis tersebut berlaku apabila 11 orang ahli parlimen dari PH bertindak meninggalkan parti mereka untuk membentuk kerajaan bersama BN, Parti Islam SeMalaysia (PAS), Gabungan Parti Sarawak (GPS), dan Parti Warisan Sabah (Warisan). Untuk menyekat tindakan tersebut, Tun Mahathir selaku perdana menteri meletakkan jawatan serta-merta dan secara tidak langsung seluruh ahli kabinet PH digugurkan. Parti beliau iaitu BERSATU juga meninggalkan gabungan PH dan bersiap-sedia untuk membentuk kerajaan bersama dengan gabungan parti pembangkang yang dikenali sebagai Perikatan Nasional (PN). Di sebalik peletakan jawatan tersebut Tun Mahathir berhujah bahawa beliau tidak dapat untuk turut bersama dengan idea kerajaan campuran yang melibatkan UMNO dan menyerahkan urusan pembentukan kerajaan baharu tersebut kepada budi bicara Yang DiPertuan Agong (YDPA) untuk membuat keputusan. Terdapat juga ura-ura yang mengatakan bahawa akan berlakunya pilihan raya semula jikalau setiap blok kepartian gagal

untuk mempersembahkan bilangan majoriti di parlimen. Maka setiap parti politik mula menamakan calon perdana menteri mereka. Setelah beberapa hari menerusi proses temu-bual ahli parlimen bersama YDPA dan akhirnya Muhyiddin Yassin dari BERSATU telah diperkenan oleh YDPA sebagai perdana menteri ke-8 dan keputusan tersebut sekaligus menamatkan kemelut politik yang melanda negara selama beberapa minggu itu (Nigel Aw & Zikri Kamarulzaman, 2020).

Melalui beberapa siri PRK pasca-PRU14, penyatuan UMNO dan PAS dilihat memberikan persaingan yang sengit kepada PH. Sebanyak 12 PRK yang diadakan, BN sekurang-kurangnya memenangi enam daripada PRK tersebut dan selebihnya dimenangi oleh PH. Walaupun PH berkempen di atas kapasiti sebagai rejim pemerintah namun itu bukan satu alasan yang akan menjamin kemenangan mereka sepenuhnya. Di saat blok-blok kepartian sedang menyusun strategi mobilisasi mereka berikutan pilihan raya parlimen mengejut yang akan diadakan pada bila-bila masa, Malaysia menyaksikan sebuah pergolakan politik yang berlaku di Sabah. Krisis tersebut berpunca dari tindakan bekas ketua menteri Sabah Musa Aman yang menyatakan bahawa beliau mempunyai majoriti yang mencukupi di dalam DUN untuk membentuk kerajaan negeri. Sebelum sempat beliau bertemu dengan Tuan Yang Terutama (TYT) Sabah Haji Juhar Haji Mahiruddin, pertemuan itu dipintas oleh Ketua Menteri Sabah Shafie Apdal dengan menasihati TYT untuk segera membubarkan DUN Sabah. Setelah DUN terbubar maka pilihan raya dijadualkan akan berlangsung pada hujung September 2020. Kemelut politik di Sabah memberikan satu signal yang jelas bahawa pilihan raya umum secara mengejut tidak mustahil bakal berlaku dengan mengambil kira sentimen semasa yang dilihat seolah-olah tidak berpihak kepada mana-mana blok politik disebabkan oleh kekangan yang dialami berikutan dengan ketidakseimbangan jumlah kerusi parlimen itu dan juga tohmahan “kerajaan pintu belakang” yang seringkali membayangi kerajaan MN yang diketuai oleh blok minoriti Muhyiddin Yassin dan BERSATU.

Parti seperti UMNO dan PAS juga kerap kali menyatakan hasrat mereka untuk mengadakan pilihan raya semula dengan kadar segera dengan tujuan untuk mengukur sokongan pengundi terhadap mereka. Justeru, kewujudan PRK dilihat sebagai indikator penerimaan pengundi terhadap sesebuah parti politik dalam memberikan khidmat serta tadbir urus yang terbaik buat penduduk di kawasan tersebut. Kajian ini melihat secara terperinci fenomena politik yang berlaku di dalam PRK DUN Slim di Perak yang diadakan pada 29 Ogos beberapa bulan selepas tercetusnya “Langkah Sheraton” yang mengakibatkan rampasan kuasa serta kejatuhan kerajaan PH setelah mentadbir negara selama 22 bulan. Kajian ini juga berhujah bahawa fenomena peralihan kuasa ini mempamerkan satu kesinambungan baharu di dalam PRK Slim. Ketidakstabilan politik serta ketidaktentuan ekonomi dalam pasca pandemik Covid-19 ini menimbulkan beberapa isu yang dilihat sebagai signifikan yang mampu menguji keutuhan sistem demokrasi dalam landskap politik di negara ini. Slim merupakan salah satu dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Perak dan merupakan PRK yang kedua belas diadakan di Malaysia selepas PRU 2018.

PRK Slim merupakan PRK yang kedua diadakan sejak pertukaran kerajaan Perikatan Nasional daripada kerajaan PH selepas PRK Chini yang diadakan pada 4 Julai 2020. Dalam PRK Chini, calon BN Mohd Sharim Md Zain menewaskan dua calon bebas dengan mudah dengan memperolehi sebanyak 12,650 majoriti undi (Mohd Nasarudin Parzi, 2020). Selain itu, mesyuarat

Majlis Presiden PH juga memutuskan untuk tidak bertanding di dalam PRK Slim dengan mengambil kira situasi semasa dan mereka membuka jalan kepada kem Mahathir untuk memberikan saingan kepada PN.

Justeru, PRK Slim dilihat sebagai sebuah penanda aras bagi mengukur sokongan rakyat terhadap gabungan kerajaan Perikatan Nasional yang baru dibentuk selepas BN dilihat memperoleh kejayaan besar dalam PRK Chini baru-baru ini. PRK Slim diadakan berikutan kematian penyandangannya yang juga anggota majlis tertinggi UMNO, Mohd Khusairi Abdul Talib akibat serangan jantung pada Julai yang lalu.

PRK SLIM: ISU DAN STRATEGI

Dari sudut demografi, terdapat sebanyak 23,000 pengundi berdaftar di Slim di mana 75 peratus dari jumlah itu adalah kaum Melayu dan 13 peratus adalah India dan Cina mencatat sebanyak 10 peratus. Di kawasan itu juga terdapat dua penempatan Felda dan satu penempatan Felcra dan ini jelas terbukti sebagai satu indikator umum bahawa kerusi tersebut mencatatkan majoriti penyokong UMNO yang agak ramai dan semenjak kerusi tersebut wujud pada 2004, UMNO mengekalkan posisi mereka sehingga ke PRU14.

Pergolakan dalaman blok parti pembangkang mewujudkan spekulasi yang kurang menyenangkan. PH Plus yang dianggotai oleh PKR, DAP, AMANAH, Warisan serta Kem Mahathir merupakan sebuah gabungan pakatan kepembangkangan baharu yang dilihat sedaya upaya untuk mendapatkan kembali mandat mereka. Namun, perselisihan pendapat serta pergolakan dalaman di antara Mahathir dan Anwar telah menyebabkan struktur gabungan blok pembangkang itu tidak stabil. Perebutan kuasa antara kedua-dua belah pihak untuk meletakkan nama masing-masing sebagai calon perdana menteri dilihat menjadi punca keretakan buat gabungan PH Plus. Di satu sudut lain, DAP dan AMANAH dilihat cenderung menyokong cadangan meletakkan nama Mahathir sebagai perdana menteri. Kedua-dua parti ini berpendapat bahawa hanya Mahathir mampu menarik sokongan ahli parlimen yang lain. Berikutan penolakan keras PKR terhadap cadangan tersebut, Mahathir memutuskan untuk tidak lagi berkerjasama dengan PKR, malah bertindak meninggalkan pakatan kepembangkangan itu dan memutuskan untuk hanya menjalinkan kerjasama dengan DAP dan AMANAH (Astro Awani, 2020).

Dalam konteks PRK Slim, meskipun Kem Mahathir sudah tidak lagi menganggotai gabungan kepembangkangan itu, ahli Parlimen Langkawi itu memutuskan untuk mengadakan perbincangan terlebih dahulu bersama anggota PH Plus sebelum membuat keputusan untuk meletakkan nama calon atau sebaliknya di kerusi Slim (Hariz Mohd, 2020). Tindakan tersebut dilihat sebagai satu tindakan yang tepat dalam mengelakkan pertembungan di blok pembangkang. Pertembungan sesama pembangkang hanya akan mendatangkan kerugian buat mereka berikutan wujudnya pecahan undi apabila mereka bersaing sesama sendiri dalam merebut sesebuah kerusi.

Sebagaimana parti kepembangkangan, blok kerajaan iaitu Perikatan Nasional negeri Perak turut bekerjasama dan sepakat dalam memastikan tiada pertembungan sesama sendiri berlaku dalam pilihan raya DUN Slim. Pengerusi Bersatu Perak, Ahmad Faizal Azumu yang juga Menteri Besar Perak turut menyatakan gabungan yang dianggotai oleh BERSATU, BN serta PAS ini akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada sesiapa sahaja yang mewakili gabungan Perikatan Nasional (Bernama, 2020). Setelah penetapan tarikh penamaan calon serta PRK DUN Slim, Perak

diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Kem Mahathir yang menggelarkan diri mereka BERSATU 'Blackout' tampil mengesahkan penglibatan mereka untuk bertanding dalam PRK Slim (B. Nantha Kumar, 2020). Mereka turut menyatakan pendirian mereka untuk tidak menggunakan logo PH di dalam PRK tersebut. PKR Perak yang sebelum ini menyatakan hasrat mereka untuk bertanding untuk merebut kerusi di DUN Slim telah mengambil keputusan untuk menarik diri setelah mengambil kira perkembangan semasa negara dalam berdepan pandemik Covid-19 dan mementingkan kebajikan rakyat tanpa membebankan mereka (Saifullah Ahmad, 2020). Keputusan PKR serta parti gabungan PH Plus memperlihatkan tiada pertembungan akan berlaku di blok kepembangkangan yang mampu memecahkan undi pengundi di DUN Slim.

Keputusan serta alasan tidak meletakkan calon bertanding oleh gagasan parti pembangkang mengundang sindiran oleh Najib Razak. Melalui ciapan Najib di Twitter, berdasarkan alasan yang diberikan oleh PKR, seharusnya pembubaran Parlimen dan PRU dilaksanakan secara serta-merta agar gagasan parti kepembangkangan itu tidak akan bertanding bagi ke semua 222 kerusi Parlimen dengan alasan situasi pandemik Covid-19 yang membebankan (Mohd Hafiz Ismail, 2020). Sindiran tersebut dilihat sebagai satu tindakan yang tidak wajar kerana tidak seharusnya seseorang pemimpin itu memandang remeh akan ancaman pandemik penularan Covid-19 yang telah meragut jutaan nyawa penduduk di serata dunia. Malah, sikap sambil lewa dan pengabaian prosedur operasi standard (SOP) ketika Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah turut menjadi punca gelombang ketiga Covid-19 menghempap negara berikutan peningkatan kes jangkitan secara mendadak sehingga mencecah jumlah kes harian paling tinggi menghampiri 4 angka pada pertengahan Oktober 2020. Makin mendukacitakan, Malaysia turut mencatatkan peningkatan korban setiap hari termasuklah seorang bayi perempuan warga tempatan berusia setahun yang menjadi korban terbaru akibat Covid-19 (Khairunnisa Kasnoon, 2020).

Najib yang berdepan tiga pertuduhan pecah amanah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan salah guna kuasa berhubung dana SRC International telah didapati bersalah atas ketujuh-tujuh dakwaan tersebut, sebulan sebelum PRK Slim diadakan. Bekas perdana menteri itu dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda minimum lima kali ganda dari nilai suapan iaitu RM210 juta, di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), manakala pertuduhan pengubahan wang haram adalah di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001. Hakim turut memerintahkan Najib menjalani hukuman penjara lima tahun jika sekiranya tertuduh gagal membayar denda berkenaan. Mahkamah walau bagaimanapun membenarkan penangguhan beserta tambahan ikat jamin sebanyak 1 juta setelah pasukan pembelaan berjaya membuktikan keadaan istimewa tertuduh (Hidir Reduan Abdul Rashid & Hariz Mohd, 2020). Susulan keputusan kes mahkamah tersebut, Presiden UMNO, Zahid Hamidi memutuskan untuk tidak menyertai Perikatan Nasional. Sebaliknya, parti Melayu terbesar itu memilih untuk memperkasakan gagasan Melayu-Islam serta penyatuan ummah bersama PAS melalui Muafakat Nasional (MN) yang termeterai secara rasmi pada September 2019 (Sinar Harian, 2020).

Keputusan tersebut dilihat sebagai gambaran kekecewaan Zahid berikutan keputusan mahkamah terhadap Najib. Kestabilan hubungan kerjasama antara BN dan BERSATU dilihat semakin rapuh seolah-olah wujud persengketaan atau ketidakpuashatian dalaman di antara mereka. Malah, Pemuda BERSATU yang turut dikenali sebagai Armada telah diperlakukan

dengan layanan yang kurang menyenangkan apabila penyokong BN menyorak “boo” terhadap mereka setelah Zahid mengumumkan kehadiran Armada dalam majlis pelancaran jentera Pemuda BN untuk PRK Slim. Tindakan itu memperlihatkan akan wujudnya isu di kalangan mereka dan membuktikan lagi kerapuhan hubungan kerjasama antara parti tersebut. Lebih mengeruhkan keadaan, Presiden UMNO itu langsung tidak menunjukkan sebarang simpati apabila Zahid memberikan peringatan buat Armada untuk membuktikan keberkesanan kerjasama yang telah termeterai sebelum ini dengan mempamerkan keupayaan parti tersebut dengan menarik 6,000 hingga 8,000 undi terhadap calon BN dalam PRK Slim kali ini. Sekiranya gagal, maka parti authoritarian itu berhak mempersoalkan nilai kerjasama yang terjalin selama ini dengan parti BERSATU (Faisal Asyraf, 2020).

Dalam konteks PRK Slim, landskap politik negara sekali lagi dicorakkan dengan naratif baru berikutan tindakan Mahathir menubuhkan sebuah lagi parti berlandaskan kaum Melayu yang berpaksikan perjuangan memerangi rasuah. Mahathir secara rasminya mengumumkan nama calon yang mewakili parti barunya, Parti Pejuang Tanah Air atau turut dikenali sebagai Pejuang iaitu Amir Khusyairi, yang akan bertanding merebut kerusi di Slim dalam majlis memperkenalkan calon di menjelang PRK tersebut. Amir Khusyairi, yang merupakan seorang peguam syarie merupakan calon Pejuang yang menggunakan tiket bebas akan bertanding merebut kerusi di DUN Slim dalam persaingan tiga penjuror bersama dua lagi calon lain, iaitu calon BN serta seorang lagi calon Bebas (B. Nantha Kumar, 2020). Meskipun calon Pejuang dilihat sebagai calon yang berkaliber dengan kerjaya serta latar belakangnya, namun isu calon tempatan terus digunakan oleh parti lawan iaitu BN sebagai modal kempen politik mereka berikutan calon Pejuang berasal dari Teluk Intan dan bukan anak tempatan. BN menggunakan isu tersebut dalam meraih sokongan pengundi dengan menyatakan calon mereka, Zaidi Aziz, mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding calon Pejuang kerana Zaidi merupakan anak tempatan Slim.

Oleh kerana itu juga, calon BN yang juga pemangku Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim, dikatakan pilihan terbaik kerana mampu memahami kehendak dan keperluan pengundi selain telah lama bekerjasama dengan Adun sebelum ini, Allahyarham Khusairi. Menurut Pejuang, isu calon tempatan tidak seharusnya dibangkitkan kerana kredibiliti calon adalah lebih mustahak dalam mencari kriteria seorang pemimpin, berbanding tempat asal calon tersebut. Tambahnya lagi, meskipun Amir Khusyairi berasal dari Teluk Intan, beliau sekeluarga menetap di Slim, berbeza dengan calon BN yang dikatakan tidak menetap di DUN berkenaan (Malaysiakini, 2020).

Selain itu, isu keanggotaan parti turut dimainkan oleh parti dominan BN di mana calon Pejuang tersebut merupakan individu yang telah kalah dalam merebut jawatan sebagai Ketua Bahagian BERSATU Teluk Intan. Setiausaha Agung BERSATU, Hamzah Zainuddin, mendedahkan perkara tersebut selepas mempertikaikan tindakan Mahathir meletakkan calon yang pernah gagal mendapatkan tempat dalam parti BERSATU untuk merebut kerusi di Slim (Sayed Hesham Idris, 2020). Walau bagaimanapun, Amir Khusyairi menegaskan pegangan teguh beliau terhadap prinsip merupakan inti pati utama beliau memilih untuk keluar dari BERSATU serta menjadi calon Bebas mewakili parti Pejuang dalam PRK kali ini. Selain daripada itu, isu banjir kilat di Trolak Pekan menjadi isu utama penduduk Slim berikutan permasalahan itu belum mendapat penyelesaian muktamad meskipun sudah membebani penduduk selama 52 tahun. Malah, kerosakan serta kerugian yang dialami penduduk sejak 1968 seolah-olah tidak dipedulikan

meskipun aduan sudah dilakukan kepada pihak kerajaan serta parti politik apabila usaha itu tidak membuahkan hasil. Isu ini juga menyebabkan sebilangan besar penduduk di kawasan itu membuat keputusan untuk berpindah keluar dari kawasan tersebut (B. Nantha Kumar, 2020).

Isu banjir kilat yang membelenggu sekitar 7,000 penduduk ini memanggil Mohd Zaidi untuk meletakkan isu tersebut sebagai fokus utamanya dengan mengatasi permasalahan itu dengan kadar segera sekaligus meneruskan delegasi perjuangan arwah Khusairi sekiranya beliau dipilih menjadi Adun dalam PRK Slim (B. Nantha Kumar, 2020). Alternatif mengadakan kempen dari rumah ke rumah selain bertemu masyarakat dalam jumlah kumpulan yang lebih kecil telah diambil bagi memastikan operasi berkempen mematuhi SOP ditetapkan kerajaan bagi mencegah penularan pandemic Covid-19.

Mengadakan lawatan mesra dengan berkunjung dari rumah ke rumah untuk bertemu serta menyelami masalah penduduk memberikan keuntungan buat kedua-dua belah pihak, sama ada pengundi mahupun calon. Kunjungan rumah ke rumah bukan sahajadapat mengeratkan lagi jurang antara calon dengan pengundi, malah calon dapat menyelami permasalahan serta isu yang membelenggu penduduk secara langsung, selain dapat memberikan keyakinan kepada penduduk akan keupayaan serta kelayakan calon untuk dipilih menjadi wakil rakyat di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, pada hari ketiga kempen PRK Slim, parti BN yang dianggotai oleh tiga komponen utama berlandaskan kaum iaitu UMNO, Malaysian Indian Congress (MIC) serta Malaysian Chinese Association (MCA) ini mengundang kontroversi selepas pengerusi UMNO Perak, Saarani Mohammad, secara tidak langsung berkempen dalam sebuah majlis di sebuah sekolah di Slim. Saarani yang juga memegang jawatan sebagai pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Perak telah meminta guru-guru di sekolah berkenaan supaya mempertimbangkan undian mereka dengan mengundi calon BN, pada akhir ucapannya dalam majlis itu (B. Nantha Kumar, 2020). Di samping itu, pertembungan tiga penjurong di PRK Slim memperlihatkan calon di blok Bebas, S. Santharasekaran memberikan tumpuan sepenuhnya dalam meraih undi masyarakat India dan orang Asli di kawasan tersebut.

Santharasekaran yang memberikan fokus utamanya terhadap manifesto yang berlandaskan pendidikan, ekonomi, sosial dan alam sekitar, yakin akan sokongan pengundi terhadapnya berdasarkan latar belakang serta khidmat beliau selama ini sebagai seorang ahli akademik.

Menurut Santharasekaran, hasil kempen kunjungan rumah ke rumah memperlihatkan lagi permasalahan yang membelenggu penduduk di kawasan tersebut termasuklah dua isu utama yang dibangkitkan iaitu masalah kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) yang dimiliki oleh penduduk India serta isu penempatan penduduk apabila dibebani masalah status tanah yang tidak jelas (Saifullah Ahmad, 2020). Menjelang PRK Slim, teka-teki hala tuju keanggotaan kepartian Mohamed Azmin Ali serta pasukannya yang juga menganggotai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Penggerak Komuniti Negara, terjawab berikutan keputusan mereka untuk menyertai parti BERSATU pada bulan Ogos.

Azmin serta kem beliau secara rasminya melafazkan ikrar untuk bersama parti yang dinaungi Muhyiddin sekaligus menyokong kepimpinan perdana menteri itu selepas keahlian mereka sebagai ahli PKR terlucut secara serta merta berikutan tindakan mereka mencetuskan Langkah Sheraton pada akhir Febuari yang lalu (Alyaa Alhadjri, 2020). Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) itu turut menyatakan kesediaan mereka untuk sentiasa

menjadi benteng dan menyokong kepimpinan Muhyiddin sekaligus memperkukuhkan BERSATU dalam menjamin kestabilan kerajaan Perikatan Nasional. Tambahan lagi, Muhyiddin selaku Presiden BERSATU turut mencadangkan akan penubuhan sayap baru dalam parti bagi membolehkan ahli bersekutu daripada golongan bukan Melayu dan bukan Bumiputera, bersama-sama memikul tanggungjawab serta memegang jawatan dalam parti tersebut (Alyaa Alhadjri, 2020).

Tindakan BERSATU membuka keanggotaan kepada bukan Bumiputera mendapat reaksi negatif daripada Pengerusi Jemaah Penasihat UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah. Menurut Tengku Razaleigh atau sinonim dengan panggilan Ku Li, pemimpin UMNO yang menganggotai Kabinet Perikatan Nasional sewajarnya berundur daripada kerajaan berikutan tindakan BERSATU yang dilihat sudah melanggar prinsip gagasan Melayu-Islam yang didukung oleh Muafakat Nasional. UMNO hanyalah sekadar memberikan sokongan dari awal penubuhan kerajaan Perikatan Nasional dan tidak pernah menganggotai kerajaan tersebut. Ahli Parlimen Gua Musang itu turut menegaskan sokongan yang diberikan kepada kerajaan Muhyiddin itu hanyalah untuk menjaga dan memelihara kestabilan politik negara (Malaysiakini, 2020). BERSATU turut menanggung beban apabila serpihan parti BN itu terkena tempas akan impak penubuhan parti PEJUANG yang diasaskan oleh Mahathir.

Kestabilan parti pimpinan Muhyiddin itu terbukti terjejas berikutan tindakan sebahagian besar ahli BERSATU dikatakan menarik diri dari parti itu. Menurut Mukhriz Mahathir, selaku Presiden Penaja PEJUANG, sebanyak 70 peratus anggota BERSATU didakwa memilih untuk menyertai PEJUANG sekaligus meninggalkan parti itu disebabkan ketidakpuashatian ahli parti terhadap keputusan pimpinan tinggi BERSATU untuk membuka keahlian kepada bukan Bumiputera untuk menyertai parti tersebut (Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan, 2020). Malah, pada awal penubuhan PEJUANG, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU, Mohd Redzuan Yusof, pernah mengakui penubuhan parti baru yang berlandaskan perjuangan menentang rasuah itu akan memberi impak kepada parti BERSATU yang diasaskan sendiri oleh Mahathir pada suatu ketika dahulu dalam usaha melahirkan “Malaysia Baru” bersama PH (Haspaizi Zain, 2020).

Menurut Mahathir, penubuhan parti PEJUANG adalah bagi menggantikan UMNO dan BERSATU yang didakwa telah tersasar daripada matlamat asal penubuhan mereka. Parti yang baru sahaja selesai menghantar permohonan rasmi kepada Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) menyifatkan penubuhan PEJUANG adalah untuk membersihkan politik negara yang mengamalkan politik wang sekaligus menghapuskan sistem sogokan serta rasuah dalam memperoleh satu sistem politik yang stabil dan bersih (Zahratulhayat Mat Arif, 2020). Di samping itu, bekas menteri besar Perak, Mohammad Nizar Jamaluddin turut memberi bayangan akan kejatuhan kerajaan BERSATU di Perak sekiranya calon PEJUANG berjaya merebut kerusi di PRK Slim. Menurut pemimpin AMANAH itu, sekiranya kemenangan berpihak buat calon PEJUANG, ia akan membuka ruang buat ahli UMNO khususnya Adun veteran UMNO untuk menyertai PEJUANG sekaligus menggulingkan kerajaan pimpinan Faizal Azumu selaku Menteri Besar Perak. Ini adalah kerana wujudnya ketidakpuashatian serta kekeliruan antara Adun veteran UMNO Perak dengan kerajaan BERSATU Perak, selepas Menteri Besar itu melantik Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari kalangan pemimpin yang baru dari UMNO berbanding pemimpin UMNO yang sudah lama berkhidmat. Lantas, tidak mustahil bagi anggota veteran

UMNO Perak memutuskan untuk mempertimbangkan semula kedudukan mereka di kerajaan negeri bagi menumbangkan kerajaan pimpinan Faizal Azumu (B. Nantha Kumar, 2020).

PRK Slim menampakkan sedikit perbezaan kerana pertembungan antara Kem Mahathir melalui parti PEJUANG dengan gagasan parti kerajaan Perikatan Nasional telah menciptakan naratif baru setelah kerajaan itu berjaya menggulingkan kerajaan PH berikutan tindakan Mahathir meletakkan jawatan sebagai perdana menteri. Kerajaan Perikatan Nasional memperlihatkan pelbagai kepincangan dalaman setelah wujudnya ketidakpuashatian sebahagian parti yang berada dalam gabungan tersebut. Presiden AMANAH, Mohamad Sabu, turut tampil memberi kritikan terhadap kerajaan persekutuan dengan menggambarkan kerajaan tersebut sebagai kelam-kabut dan tidak ada nama berikutan pergolakan dalaman yang dihadapi oleh anggota parti Perikatan Nasional berikutan tindakan MIC yang mengumumkan keputusan mereka untuk tidak menyertai Perikatan Nasional serta tindakan UMNO untuk bertanding di semua kerusi dalam PRU15 tanpa memberikan sebarang kerusi buat BERSATU (B. Nantha Kumar, 2020).

Permasalahan dalaman itu seharusnya diselesaikan dengan kadar segera bagi meyakinkan pengundi Slim akan kerjasama antara anggota parti di bawah kerajaan Perikatan Nasional ini mampu mempamerkan semangat muafakat antara satu sama lain selepas pelbagai isu dalaman diperlihatkan setelah tertubuhnya gagasan ini. Menjelang hari pengundian PRK Slim, Perikatan Nasional berjaya mempamerkan kerjasama antara satu sama lain apabila lima setiausaha agung parti yang menyokong Perikatan Nasional buat julung kalinya berkongsi pentas dalam kempen PRK DUN Slim. Majlis tersebut menampilkan Annuar Musa (BN), Hamzah Zainuddin (BERSATU), Takiyuddin Hassan (PAS), Chong Sin Woon (MCA) serta M. Asojan (MIC) sebagai setiausaha agung parti bersama-sama berdiri di atas satu pentas untuk membuktikan permuafakatan yang wujud antara semua parti dalam meyakinkan pengundi akan tekad gagasan tersebut sebagai sebuah kerajaan yang stabil dalam menjaga kepentingan rakyat. Permuafakatan Perikatan Nasional serta kejayaan kerajaan dalam mengawal penularan pandemik Covid-19 menjadi fokus perbincangan utama dalam majlis tersebut. Justeru, kelima-lima setiausaha agung parti ini bersatu menyeru pengundi serta penyokong parti agar mengundi calon BN supaya kemenangan dapat diraih dalam PRK Slim (Rosman Shamsudin & Noor Hidayah Tanzizi, 2020).

Bagi pengundi selain Melayu di Slim, statistik pengundi merekodkan sebanyak 13 peratus pengundi, atau lebih 3,000 daripada 23,000 pengundi merupakan pengundi India, manakala pengundi Cina adalah sebanyak 10 peratus atau 2,300 pengundi. Jentera di bawah komponen BN iaitu MIC serta MCA mempersiapkan gerakan jentera parti masing-masing bagi menghadapi PRK Slim dengan meletakkan fokus terhadap meraih sokongan undi pengundi India serta pengundi Cina. Bagi Pemuda MIC, mereka yakin bahawa pengundi India akan bersama Perikatan Nasional dalam PRK kali ini berikutan respons positif masyarakat India terhadap keputusan-keputusan yang diambil kerajaan dalam usaha menangani krisis Covid-19 seperti pelaksanaan PKP bagi mengekang penularan pandemik tersebut (B. Nantha Kumar, 2020). Sebagaimana MIC, MCA juga yakin akan sokongan pengundi Cina terhadap mereka selepas kejayaan kerajaan pimpinan Muhyiddin bertindak pantas dalam menangani krisis Covid-19. Menurut MCA, mereka yakin kejayaan ini mampu menarik sokongan kira-kira 50 peratus pengundi Cina selepas keyakinan pengundi terhakis berikutan pelbagai janji yang ditawarkan kerajaan PH namun tidak mampu ditunaikan. Pengundi pastinya belajar dari kesilapan lalu agar kesilapan yang sama tidak berulang selepas menyaksikan sendiri pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional mentadbir negara dengan

lebih baik berbanding kerajaan PH yang hanya bertahan selama 22 bulan (Saifullah Ahmad, 2020).

Presiden Pas, Abdul Hadi, dalam kempen PRK Slim, secara terbuka mengakui parti PAS berasa cemas melihat kejatuhan BN dalam PRU 2018 apabila melihat parti bukan Islam menguasai PRU tersebut. Hadi yang menyifatkan hubungan antara parti PAS dan BN seperti 'kepala lutut', pukul lutut kiri, lutut kanan terasa, menunjukkan keakraban hasil permuafakatan penyatuan ummah melalui Piagam Muafakat Nasional meskipun kedua-dua parti cukup sinonim sebagai seteru berdekad lamanya (Malaysiakini, 2020). Malah, fatwa yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung PAS, yang mewajibkan anggota parti itu mengundi calon BN dikatakan telah mengundang kekeliruan buat anggota parti tersebut. PAS memperlihatkan satu sudut baru parti tersebut apabila parti yang memperjuangkan prinsip negara Islam itu dilihat mewajibkan penyokong PAS agar mengundi calon BN.

Perkara ini turut memanggil Nizar yang juga Ahli Jawatankuasa Tertinggi Parti AMANAH mengkritik tindakan tersebut. Menurut Nizar, fatwa kewajipan ahli parti supaya mengundi calon BN menimbulkan ketidakpuashatian dari kalangan anggota parti PAS kerana fatwa mengundi parti lain selain parti sendiri, tidak pernah dikeluarkan oleh pimpinan PAS (B. Nantha Kumar, 2020). Naib Presiden AMANAH, Mahfuz Omar turut mendakwa kerjasama antara PAS serta UMNO yang berdasarkan penyatuan ummah itu mencetuskan rasa tidak gembira penyokong veteran PAS di DUN berkenaan. Menurut Mahfuz, terdapat penyokong veteran PAS yang memberikan gambaran akan memberikan sokongan buat calon PEJUANG, selepas tindakan PAS yang kini bekerjasama bersama-sama UMNO dan menyokong kleptokrasi (Faisal Asyraf, 2020). Walau bagaimanapun, PAS Perak tampil menafikan wujudnya penyokong parti yang tidak senang dengan 'hubungan akrab' yang terjalin antara PAS dengan UMNO. Sebaliknya, PAS Perak yakin dan memberi jaminan akan keseluruhan anggota parti akan bersatu memberikan undi buat Zaidi Aziz, selaku calon BN (B. Nantha Kumar, 2020). Di samping itu, parti yang memperjuangkan penyatuan ummah ini sekali lagi terpalit isu apabila Abdullah Khairi, seorang pendakwah bebas yang juga penyokong PAS, secara terbuka menggunakan masjid sebagai tempat menyebarkan kempen politik, dalam memenangkan calon BN pada PRK kali ini.

Hal ini mencetuskan amarah apabila PAS dilihat mengingkari perintah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, yang pernah menitahkan agar tiada sebarang ceramah atau program politik diadakan di masjid dan surau di negeri itu pada Mei 2019. Baginda turut menitahkan agar pengerusi jawatankuasa masjid dan surau yang memberikan kebenaran premis mereka digunakan untuk program parti politik didenda dengan menggantung tugas mereka sementara siasatan dijalankan (Malaysiakini, 2020). Bekas ahli Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam Perak, Asmuni Awi turut memberi kritikan terhadap isu tersebut dengan menggambarkan PAS sebagai sebuah 'parti yang degil' dan tidak mengikut arahan. Menurut Asmuni, tindakan PAS melakukan aktiviti berkempen di tempat ibadah masyarakat Islam dilihat secara terang-terangan melanggar peraturan yang termaktub di negeri Perak (Faisal Asyraf, 2020). Di sisi lain, PAS Perak tampil mempertahankan parti mereka dengan mendakwa mereka tidak tahu menahu akan wujudnya isu tersebut.

Menurut PAS Perak, tidak ada sebarang aktiviti berkempen di surau atau masjid telah diaturkan dalam jadual yang disusun oleh PAS bagi PRK Slim (Shakira Buang, 2020). Memperlihatkan respons yang diberikan oleh PAS Perak, jawapan serta alasan yang diberikan

oleh parti tersebut seolah-olah tidak mahu bertanggungjawab dengan isu tersebut dengan memberikan alasan 'tidak tahu-menahu' akan perkara tersebut. Tiada teguran mahupun inisiatif untuk melakukan siasatan terhadap perkara tersebut menggambarkan PAS sendiri tidak ambil peduli akan isu itu termasuklah pengingkaran terhadap perintah Sultan, kerana bagi PAS, misi menyumbang undi buat 'teman sekutunya' yang baru adalah lebih penting bagi memenangi PRK kali ini.

Keadaan di Slim memperlihatkan suasana yang kelihatan suram meskipun tempoh berkempen telah masuk minggu kedua. Situasi serta pemandangan dalam sesebuah pilihan raya sama ada pilihan raya umum mahupun pilihan raya kecil biasanya memperlihatkan suasana yang cukup meriah dihiasi perang poster serta bendera parti masing-masing bagi menghiasi kawasan sekeliling. Walau bagaimanapun, PRK Slim kali ini dilihat kurang menyengat buat pertembungan tiga penjujur, calon BN Mohd Zaidi, serta dua lagi calon bebas iaitu peguam Amir Khusyairi dan bekas guru S. Santharasekaran. Program serta aktiviti berkempen yang diadakan juga adalah mengikut saranan yang ditetapkan SPR dalam mematuhi SOP yang ditetapkan bagi mengekang penularan wabak Covid-19 (Bernama, 2020). Lantaran itu, ketiga-tiga calon dilihat lebih cenderung mengadakan ceramah dalam skala kecil, ziarah dari rumah ke rumah serta memanfaatkan teknologi informasi menerusi media sosial seperti Facebook, Instagram serta aplikasi Whatsapp. Di samping itu, satu kajian telah dilakukan oleh Ilham Centre, sebuah badan penyelidik, meramalkan calon Bebas yang mewakili PEJUANG akan kalah teruk dalam PRK DUN Slim berikutan kurangnya sokongan daripada gabungan PH Plus khususnya PKR (Malaysiakini, 2020).

Menurut Ilham Centre, posisi AMANAH serta DAP kelihatan lebih menonjol dan agresif dalam PRK kali ini membantu calon PEJUANG untuk meraih sokongan pengundi. Walau bagaimanapun, ketiadaan Presiden PKR, Anwar Ibrahim sepanjang tempoh berkempen bagi memberi sokongan serta membantu calon PEJUANG memperlihatkan PH Plus tidak memberikan kekuatan penuh dalam PRK Slim kali ini. Di satu sisi yang berbeza, bekas parti komponen PH, BERSATU dilihat agak terpinggir sepanjang PRK kali ini apabila jentera BERSATU dilihat bergerak berasingan daripada gerak kerja kempen Muafakat Nasional. Kajian lapangan yang melibatkan seramai 502 responden secara rawak itu turut menjangkakan pengundi Cina yang sinonim dengan PH dilihat berbelah bahagi setelah kecewa dengan prestasi PH yang tidak mampu menunaikan janji mereka selama memegang tampuk pemerintahan. Pengundi India pula dilihat akan mengalihkan sokongan mereka kepada calon BN (Malaysiakini, 2020).

ANALISIS KEPUTUSAN

Seperti yang dijangkakan oleh kebanyakan pemerhati politik, BN menerusi calonnya, Mohd Zaidi Aziz berjaya mengekalkan kubu kuat mereka di Slim selepas diumumkan menang dengan majoriti bergaya iaitu sebanyak 10,945 undi sekaligus mengeneipkan dua lagi calon Bebas dalam persaingan tiga penjujur dalam PRK Slim kali ini. Menurut analisis SPR, Mohd Zaidi, yang juga pemangku Ketua UMNO Bahagian Tanjung Malim berjaya memperoleh 13,060 undi, menewaskan kedua-dua calon Bebas iaitu Amir Khusyairi yang memperoleh sebanyak 2,115 undi dan Santhara Sekaran Subramaniam sebanyak 276 undi. Kejayaan BN kali ini bukan sahaja dapat dilihat melalui majoriti undi yang diperolehi, malah kemenangan kali ini menyaksikan kejayaan

BN dalam menambah majoriti undi yang diperoleh pada PRU 2018 yang lalu. PRK Slim mencatatkan peratus mengundi sebanyak 68.4 peratus daripada 23,094 pengundi keseluruhan, dengan 327 kertas undi ditolak. Persaingan sengit tiga penjurong yang berlaku di Slim semasa PRU14 melibatkan BN, PKR dan PAS ternyata tidak berlaku dalam PRK Slim pada kali ini selepas calon yang mewakili parti PEJUANG hanya memperoleh 13.69 peratus undi, manakala calon Bebas hanya memperoleh 1.79 peratus undi.

Kemenangan besar BN dalam PRK kali ini jelas membuktikan sokongan pengundi Slim terhadap permuafakatan gagasan parti yang menyokong kerajaan Perikatan Nasional iaitu BN, BERSATU serta PAS. Meskipun parti-parti ini terpalit pelbagai isu dalaman yang mempamerkan kerapuhan struktur gabungan kepartian kerajaan Perikatan Nasional, namun kejayaan kerajaan pimpinan Muhyiddin dalam menguruskan penularan pandemik Covid-19 dengan melancarkan pelbagai dasar dalam menjaga kebajikan rakyat pada pertengahan tahun 2020 dilihat sebagai 'penyelamat' dalam menstabilkan serta menyelamatkan kedudukan mereka dalam PRK kali ini. Isu rampasan kuasa dan penggulingan kerajaan PH yang berlaku pada bulan Mac yang lalu juga seolah-olah tenggelam walaupun isu tersebut sering digunakan oleh pihak pembangkang dalam meraih sokongan pengundi Slim. Pendekatan yang diambil oleh kerajaan Perikatan Nasional turut memberikan impak positif terhadap masyarakat bukan Bumiputera selepas PRK Slim merekodkan peningkatan undi kaum Cina dan India kepada calon BN, yang sebelum ini menyebelahi parti pembangkang dilihat beralih arah daripada PH dan memilih BN sebagai pemerintah di Slim.

Kekalahan calon bebas tajaan PEJUANG untuk merampas kerusi Slim juga memperlihatkan kegagalan Mahathir dalam menarik sokongan penyokong PH yang sebelum ini berjaya memberikan undi sebanyak 33 peratus dalam pertandingan tiga penjurong dalam PRU14. Malah, sokongan jentera PH Plus yang dilihat tidak menyeluruh terutama sekali ketiadaan Presiden PKR dalam jentera kempen parti pembangkang jelas memberikan kesan terhadap sokongan pengundi di PRK tersebut. Justeru, kemenangan besar BN dalam PRK kali ini membuktikan penerimaan serta keyakinan rakyat kembali diperoleh selepas BN seolah-olah diberikan peluang kedua dalam mentadbir negara setelah tumbang kerajaan itu pada Mei 2018 yang lalu.

KESIMPULAN

Fenomena PRK Slim yang berlaku di saat negara dibebani penularan virus pandemik ini memperlihatkan pelbagai isu berbangkit dalam menstabilkan pentadbiran negara rentetan episod rampasan kuasa berlaku buat julung kalinya setelah negara digemparkan dengan keruntuhan empayar rejim BN yang berdiri kukuh selama lebih enam dekad lamanya. Kajian ini melihat bahawa isu rampasan kuasa serta penggulingan kerajaan membawa impak yang berbeza berbanding pilihan raya yang lepas setelah gagasan kerajaan yang baru ini kembali mendaki tampuk pemerintahan yang pernah didiami mereka sebelum ini. Dalam erti kata lain, PRK Slim merupakan satu penanda aras bagi mengukur sokongan pengundi terhadap kerajaan baru yang tidak dipilih rakyat dengan menggulingkan kerajaan yang sedia ada. Walaupun PRK Slim ini boleh dikategorikan sebagai salah satu kes ataupun fenomena yang terpencil, namun ia tetap mempunyai signifikan yang tersendiri bagi melihat penerimaan pengundi rentetan pelbagai episod

ketidaktentuan politik yang menimpa negara. Kajian ini memberikan gambaran akan kesetiaan pengundi di Slim terhadap rejim BN, tanpa dipengaruhi sentimen politik nasional sebagaimana parti tersebut merupakan sebahagian daripada kerajaan baru yang tidak diundang masuk ke dalam pentadbiran melalui proses demokrasi, sekaligus memberikan gambaran yang jelas akan posisi dinamik serta ketidaktentuan politik negara yang telah mencorakkan lagi landskap politik di Malaysia.

RUJUKAN

- Alyaa Alhadjri. (2020). *Azmin, sekutu sertai Bersatu secara rasmi*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/539634>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Alyaa Alhadjri. (2020). *Bersatu usul tubuh sayap baru untuk ahli bukan Melayu*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/539637>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Astro Awani. (2020). *Dr Mahathir hanya berkerjasama dengan Amanah dan DAP, tidak lagi dengan PKR*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-politik/dr-mahathir-hanya-berkerjasama-dengan-amanah-dan-dap-tidak-lagi-dengan-pkr-248399>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *Bersatu 'Blackout' akan tanding PRK Slim*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/535939>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *Calon BN: Isu banjir fokus utama saya*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/538973>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *Fatwa undi UMNO: Takiyuddin kelirukan ahli PAS, kata Nizar*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/539997>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *Kerajaan hari ini paling kelam-kabut, kata Mat Sabu*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540395>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *Nizar: Tak mustahil PN tumbang di Perak jika calon Pejuang menang PRK Slim*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540035>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *Penduduk Trolak Pekan harap isu banjir 52 tahun selesai PRK kali ini*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/538888>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *PRK Slim: Dr M umum peguam syarie Amir Khusyairi sebagai calon*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/538406>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *PRK Slim: Pemuda MIC yakin pengundi India akan bersama PN*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/535300>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *PRK Slim: Saarani 'kempen' di sekolah?*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/538939>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- B. Nantha Kumar. (2020). *Tak payah mimpi ahli PAS sokong calon Pejuang – PAS*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540404>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Bernama. (2020). *Perang poster, bendera kurang menyengat di PRK Slim*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/539583>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Bernama. (2020). *PRK Slim: PN pastikan tiada pertembungan sesama sendiri*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/535992>. (Diakses 1 Oktober 2020).

- Faisal Asyraf. (2020). *Amanah: Ahli veteran PAS akan tolak Umno, sokong Amir*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540194>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Faisal Asyraf. (2020). *Kempen di masjid: PAS parti degil, tidak ikut arahan – Asmuni*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540193>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Faisal Asyraf. (2020). *Pemuda Bersatu kena 'boo' di acara Pemuda BN*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/538766>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Hariz Mohd. (2020). *Kem Mahathir mahu bincang dulu dengan PH*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/534908>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Haspaizi Zain. (2020). *Redzuan akui Pejuang akan beri kesan pada Bersatu*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/539111>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Hidir Reduan Abdul Rashid & Hariz Mohd. (2020). *Hakim benarkan penangguhan, ikat jamin Najib dinaikkan RMI juta*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/536349>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Junaidi Awang Besar, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof (2014). *Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 28-38.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain (2011) *Kajian Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor, Selangor*. *Jurnal Melayu*. (8)2011: 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Novel Lyndon. (2012). *Pengaruh Populariti Calon, Sentimen Nasional dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah*. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 8(8), 23-34.
- Junaidi Awang Besar. (2018). *Pengaruh Identifikasi Parti dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016*. *Journal of Administrative Science. Special Edition: ICOPS, JAS*, 15(3).
- Junaidi Awang Besar. (2019). *Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia*. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Khairunnisa Kasnoon. (2020). *Bayi perempuan berusia setahun antara korban terbaharu COVID-19*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-berusia-setahun-antara-korban-terbaharu-covid19-262438>. (Diakses 1 Oktober 2020)
- Malaysiakini. (2020). *Anak tempatan kelebihan calon BN – Hisham*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/538876>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Malaysiakini. (2020). *Hadi saji cerita 'dua kepala lutut yang dipukul' semasa PRU14*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/539840>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Malaysiakini. (2020). *Kajian: PH tak bantu Pejuang secukupnya, Bersatu pula terpinggir*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540465>. (Diakses 1 Oktober 2020)
- Malaysiakini. (2020). *Ku Li gesa menteri UMNO keluar dari cabinet*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540491>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Malaysiakini. (2020). *Orang PAS 'buat kerja' di masjid untuk menangkan BN, kata penceramah*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540125>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Malaysiakini. (2020). *Pejuang akan kalah teruk tapi berjaya manfaatkan kempen – Tinjauan*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540461>. (Diakses 1 Oktober 2020).

- Mohd Hafiz Ismail. (2020). *Najib sindir alasan PKR Perak tidak bertanding kerusi DUN Slim*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/94103/BERITA/Politik/Najib-sindir-alasan-PKR-Perak-tidak-bertanding-kerusi-DUN-Slim>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Mohd Nasarudin Parzi. (2020). *BN kekal penguasaan DUN Chini*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/707411/bn-kekal-penguasaan-dun-chini>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Muhamad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuat Mat Jali. (2016). Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4): 34-45.
- Nazura Ngah. (2019). *Piagam Muafakat Nasional UMNO, PAS dimeterai*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/09/606917/piagam-muafakat-nasional-umno-pas-dimeterai>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Nigel Aw & Zikri Kamarulzaman. (2020). *Langkah Sheraton' bawa Malaysia ke jalan buntu: Apa seterusnya?* Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/512353>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Portal Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia <https://keputusan.spr.gov.my/>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Rosman Shamsudin & Noor Hidayah Tanzizi. (2020). *PRK Slim: 5 setiausaha agung parti berkongsi pentas*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/723792/prk-slim-5-setiausaha-agung-parti-berkongsi-pentas>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Saifullah Ahmad. (2020). *Calon Bebas yakin peroleh undi India, orang asli*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/97081/Pilihan-Raya/PRK-Dun-Slim/Calon-Bebas-yakin-peroleh-undi-India-orang-asli>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Saifullah Ahmad. (2020). *PKR tak jadi letak calon di DUN Slim*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/94031/BERITA/Politik/PRK-tak-jadi-letak-calon-di-DUN-Slim>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Saifullah Ahmad. (2020). *PRK DUN Slim: MCA yakin sokongan pengundi Cina 50 peratus*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/98363/Pilihan-Raya/PRK-Dun-Slim/PRK-DUN-Slim-MCA-yakin-sokongan-pengundi-Cina-50-peratus>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Sayed Hesham Idris. (2020). *Calon Bebas kalah pemilihan Bersatu Teluk Intan*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2020/08/calon-bebas-kalah-pemilihan-bersatu-teluk-intan/>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Shakira Buang. (2020). *PAS Perak tak tahu orang parti ingkar titah sultan*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/540299>. (Diakses 1 Oktober 2020).
- Suresh Kumar N Vellymalay. (2019). *Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands: Kemenangan BN atau Kekalahan PH?*. *E-Banggi Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(5): 1-14.
- Szmolka, I. (2015). Inter-and intra-party relations in the formation of the Benkirane coalition governments in Morocco. *The Journal of North African Studies* 20(4): 654-674.
- Tuan Buqhairah Tuan Muhammad Adnan. (2020). *'70 peratus ahli Bersatu keluar parti sertai Pejuang'*. Sinar Harian.

<https://www.sinarharian.com.my/article/99484/BERITA/Politik/70-peratus-ahli-Bersatu-keluar-parti-sertai-Pejuang>. (Diakses 1 Oktober 2020).
Zahratulhayat Mat Arif. (2020). *Slim by-election: Dr M says Umno 'can no longer be fixed' in show-stopping speech*. New Straits Times.
<https://www.nst.com.my/news/politics/2020/08/620078/slim-election-dr-m-says-umno-can-no-longer-be-fixed-show-stopping>. (Diakses 1 Oktober 2020).

MAKLUMAT PENULIS

NUR ADILAH SHAHIRAH BINTI SHAFIE

Calon Ijazah Sarjana (Master's)
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam
dilashafe@gmail.com

ARIFF AIZUDDIN AZLAN

Pensyarah Kanan Sains Politik
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Kampus Seremban, Negeri Sembilan
ariffaizuddin@uitm.edu.my

MAZLAN CHE SOH

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Kampus Seremban, Negeri Sembilan
mazlan3161@uitm.edu.my